



BERGAMBAR ... Sesi bergambar kenangan para tetamu kehormat. Tun Juhar (empat kiri) dan Toh Puan Norlidah, (empat kanan) bersama dengan Kamarudin (tiga kiri), Jainab (dua kiri) dan Mary (dua kanan).



BERSALAMAN ... Musa bersalam-salaman dengan para kakitangan UMS.

Sambutan Aidilfitri UMS meriah

NST 14-6-2017 2

KOTA KINABALU: Sambutan Raya Aidilfitri Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang diadakan di Kompleks Dewan Kuliah Pusat Ke-2 UMS dekat sini, pagi tadi berlangsung dengan meriah.

Sambutan tersebut dihadiri Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin dan isteri, Toh Puan Norlidah R.M. Jasni sebagai tetamu kehormat.

Naib Canselor UMS, Prof. Dr D Kamarudin D Mudin berkata, majlis tersebut bertujuan mengeratkan jalinan ukhuwah, persaudaraan dan perpaduan dan organisasi sama ada dari dalam mahupun dari luar UMS.

"Majlis sebegini boleh dijadikan batu loncatan untuk kita merapatkan kembali hubungan, saling bermaafan dan bersedia membuka lembaran baharu bagi mewujudkan pernuafakatan yang lebih utuh lagi.

"Berbeza pendapat adalah lumrah dan harus dimanfaatkan menjadi percambahan idea dan ilmu untuk menghasilkan keputusan yang terbaik dan memberikan kemaslahatan kepada masyarakat dan negara," katanya ketika menyampaikan ucapan sempena majlis berkenaan," katanya.

Dalam pada itu, kehadiran Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman menyerikan lagi suasana sambutan raya itu.

Beliau juga membuat lawatan setiap gerai-gerai yang ada sambil beramah mesra dengan kakitangan UMS.

Di majlis itu, sebanyak 31 gerai-gerai dengan hiasan raya yang menarik menyediakan pelbagai menu dan juadah raya seperti kelupis, buras, nasi linopot, kambing golek, soto dan laksa.

Para tetamu bukan sahaja disajikan dengan makanan yang sedap malahan turut dihiburkan dengan persembahan lagu-lagu raya daripada kakitangan dan pelajar UMS sendiri.

Hadir sama Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr Mary Yap Kain Ching dan Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Sabah, Datuk Jainab Ahmad Ayid.